



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : MATEMATIK PERNIAGAAN**  
**KOD KURSUS : MAT 1023**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2017**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Jadual Formula

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LAPAN (8)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Sebutan kelima bagi suatu jangjang aritmetik ialah 24 dan hasil tambah 10 sebutan pertama ialah 265. Kirakan beza sepunya bagi sebutan tersebut.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Pada 20 Mac 2015, Hasni telah menyimpan wang sebanyak RM3, 000 ke dalam akaun yang menawarkan kadar bunga ringkas sebanyak  $r\%$ . Jika pada 6 Jun 2015 amaun di dalam akaun beliau adalah RM3, 050, berapakah nilai  $r$  menggunakan Aturan Bank?

(5 markah)

**SOALAN 3**

Kamariah melaburkan RM  $Y$  ke dalam sebuah bank yang menawarkan kadar bunga sebanyak  $5\%$  digandakan setiap bulan. Selepas 5 tahun wang tersebut menjadi RM19, 250.38. Kirakan :

- a.  $Y$
- b. nilai bunga yang diperolehi

(5 markah)

**SOALAN 4**

Ihsan menyimpan RM300 setiap tiga bulan dengan kadar bunga sebanyak 6% digandakan setiap suku tahun. Selepas lima tahun, wang yang terkumpul tersebut akan digunakan bagi membuat bayaran pendahuluan untuk rumah yang akan dibeli oleh beliau. Kirakan :

- a. wang pendahuluan tersebut.
- b. Nilai bunga yang diperolehi.

(5 markah)

**SOALAN 5**

Setelah menjual satu set buku dengan harga RM100, penjual akan mendapat untung bersih sebanyak 5% daripada harga jualan. Sekiranya kos operasi adalah 10% berdasarkan harga jualan, kirakan :

- a. kos buku tersebut.
- b. untung kasar penjual

(5 markah)

**SOALAN 6**

Cik Zaimah membeli sebuah *handbag* berharga RM5, 000. Beliau mendapat diskaun dagangan sebanyak 20%, 10% dan 5%. Kirakan harga bersih yang perlu dibayar oleh Cik Zaimah.

(5 markah)

**SOALAN 7**

Asyraf ingin membeli sebuah rumah yang berharga RM100, 000. Beliau perlu membayar wang pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah tersebut dan bakinya hendaklah dibayar secara ansuran bulanan selama 35 tahun. Kadar bunga yang dikenakan ialah 9.5% setahun berdasarkan baki asal, kirakan :

- a. jumlah bunga yang dikenakan.
- b. menggunakan *Rule of 78*, lebihan harga rumah jika bayaran telah dibuat sebanyak 120 kali.

(5 markah)

**SOALAN 8**

Harga sebuah mesin ialah RM600, 000. Mesin ini dianggarkan hayatnya ialah 15 tahun dengan nilai skrapnya RM10, 000. Menggunakan kaedah baki berkurangan, kirakan nilai buku pada akhir tahun ketujuh.

(5 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. En. Zaidi menerima sebuah nota janji bertempoh 60 hari dengan kadar bunga ringkas yang dikenakan ialah 8%. Nota tersebut akan matang pada 19 Jun 2015 dengan nilai matang sebanyak RM2, 533.33. Cari :

i. tarikh nota dibuat. (5 markah)

ii. nilai muka menggunakan Aturan Bank. (5 markah)

b. Pada 22 Februari 2015, Pn. Zitaty menerima sebuah nota janji bertempoh 90 hari dengan kadar bunga ringkas yang dikenakan ialah 8%. Akan tetapi pada 13 April 2015, beliau telah mendiskaunkan nota tersebut dengan kadar diskaun 7% dan menerima wang sebanyak RM9, 108.60. Kirakan :

i. tarikh matang nota tersebut.

ii. nilai matang nota tersebut.

iii. nilai muka nota tersebut.

iv. kadar bunga ringkas yang bersamaan dengan kadar diskaun.

(10 markah)

SULIT

## SOALAN 2

a. Harga sebuah telefon pintar berjenama K berharga RM8, 888. Jika dibeli secara ansuran, 20% wang pendahuluan perlu dibuat dan bakinya hendaklah dibayar secara ansuran mingguan sebanyak 30 kali. Dengan kadar bunga sebanyak 10.5% berdasarkan baki asal. Kirakan :

- i. bunga yang dikenakan.
- ii. harga ansuran.
- iii. bayaran mingguan.
- iv. menggunakan *Rule of 78*, baki yang tertunggak setelah membuat bayaran sebanyak 10 kali.

(10 markah)

b. Encik Ismail membeli satu ekar tanah berharga RM65, 000 untuk tujuan pertanian. Beliau perlu membayar wang pendahuluan sebanyak 10% dan bakinya akan dilunaskan secara bulanan selama 5 tahun. Jika kadar bunga yang dikenakan ialah 5.5% berdasarkan baki berkurangan, kirakan :

- i. jumlah wang yang akan dipinjam.
- ii. bunga yang dikenakan.
- iii. bayaran bulanan.
- iv. harga ansuran.

(10 markah)

SULIT

**SOALAN 3**

Motorbike.COM membeli sebuah motorsikal dengan harga RM30, 000. Jangka hayat motorsikal tersebut ialah 10 tahun dengan nilai skrapnya ialah RM8, 000. Dengan menggunakan :

a. kaedah garis lurus, kirakan :

- i. susut nilai tahunan.
- ii. kadar susut nilai tahunan.
- iii. nilai buku pada akhir tahun kelima.
- iv. binakan jadual susut nilai sehingga akhir tahun kelima.

(10 markah)

b. kaedah baki berkurangan,

- i. kadar susut nilai tahunan.
- ii. nilai buku pada akhir tahun kelima.
- iii. susut nilai terkumpul pada akhir tahun kelima.
- iv. binakan jadual susut nilai sehingga akhir tahun kelima.

(10 markah)

**[60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



## JADUAL FORMULA

1. $T_n = a + (n-1)d$	2. $S_n = \frac{n}{2}[2a + (n-1)d]$
3. $T_n = ar^{(n-1)}$	4. $S_n = \frac{a(1-r^n)}{1-r}$
5. $S = P(1+rt)$	6. $H = S(1-dt)$
7. $r = \frac{d}{1-dt}$	8. $d = \frac{r}{1+rt}$
9. $S = P(1+i)^n$	10. $S = R \left[ \frac{(1+i)^n - 1}{i} \right]$
11. $A = R \left[ \frac{1 - (1+i)^{-n}}{i} \right]$	12. $SP = C + M$
13. $GP = OE + NP$	14. $NP = LP(1-d_1)(1-d_2)\dots(1-d_n)$
15. $r = \frac{2mI}{B(n+1)}$	16. $r = 1 - \frac{UL}{\sqrt{\frac{S}{C}}}$
17. $BV_n = C(1-r)^n$	18. $B = RN - I \left[ \frac{N(N+1)}{n(n+1)} \right]$

